


Bab 2 :

# KAWAD KAKI



2.1 Pembelajaran Kawad Kaki

2.2 Praktikal







## PEMBELAJARAN KAWAD KAKI

### PENGENALAN

#### CONTOH DAN TAULADAN BERBARIS:

1. Jurulatih Hendaklah Memeriksa Pakaian Dan Kekemasan Rupa Diri Skuadnya, Menegur Serta Memperbetulkan Sebarang Kesilapan Sebelum Memulakan Kawad. Semua Pakaian / Peralatan Yang Dibenarkan Adalah Hanya Yang Dibekalkan Oleh Jabatan. Pemakaian Peralatan Seperti Waist Porce, Kacamata Hitam, Topi, Jam Tangan, Cincin Dan Lain-Lain Yang Tidak Berkaitan Adalah Tidak Dibenarkan Bagi Memastikan Kelancaran Pelajaran Kawad.
2. Pergerakan Keluar / Masuk Baris Hendaklah Dengan Mendapat Kebenaran Jurulatih.
3. Pelatih-Pelatih Hendaklah Memberi Hormat Kepada Pegawai Dan Jurulatih.
4. Semasa Berkawad, Pastikan Skuad Tidak Menghadap Matahari.
5. Jika Jumlah Anggota / Pelatih Kurang Daripada 12 Orang, Hendaklah Dibuat Satu Barisan.
6. Jika Jumlah Anggota Adalah Diantara 12 Hingga 17 Orang, Hendaklah Dibuat 2 Barisan.
7. Jika Jumlah Anggota Melebihi Daripada 18 Orang, Hendaklah Dibuat Dalam 3 Barisan.



## PENGUCAPAN @ KHUTBAH KAWAD @ UCAPAN JURULATIH

ASSALAMUALAIKUM DAN SELAMAT PAGI / PETANG SKUAD, PADA PAGI / PETANG INI, SAYA AKAN MENGAWADKAN SKUAD, PENANDA DI SEBELAH KANAN SIAPA DIA?, PENANDA DI SEBELAH KIRI SIAPA DIA?, ITU ADALAH BARISAN HADAPAN, BARISAN TENGAH, TENGAH JUGA, BARISAN BELAKANG, BELAKANG JUGA, APA YANG SAYA MAHU, PERINTAH SAYA YANG BETUL, HENDAKLAH SKUAD BUAT DENGAN BETUL DAN CERGAS, PERINTAH YANG SALAH JANGAN DIBUAT. PERINGATAN!! APABILA BERJALAN, SKUAD HENDAKLAH PACAKKAN TUMIT, LENGGANGKAN TANGAN KE HADAPAN SAMA PARAS DENGAN BAHU DAN JUGA KE BELAKANG SEBERAPA YANG BOLEH.

FAHAM ITU SKUAD ?

## JAWAB DENGAN TIDAK LEBIH 4 PERKATAAN

Contoh: saya..., pangkat..., nama / nombor anggota..., cikgu / encik / tuan.

❖ jika faham

"faham skuad / cikgu' / `encik' / `tuan' dengan serentak oleh anggota dalam baris.

❖ Jika tidak faham

semua anggota dalam baris hendaklah berdiam diri sahaja.



## PERATURAN SEMASA DI PADANG KAWAD

### Definisi:

Padang kawad adalah merupakan tempat latihan khususnya kawad kaki dan lain-lain latihan praktikal yang telah dikhaskan. Kawad kaki juga adalah suatu proses atau kaedah bagi pembentukan disiplin anggota yang baru berkhidmat dan yang sedang berkhidmat. Oleh yang demikian, sesiapa sahaja yang terlibat di dalam menggunakan padang kawad ini.

### MESTILAH 'MEMATUHI PERATURAN-PERATURAN' SEMASA BERADA DI PADANG KAWAD:

- A) Semasa mengadakan latihan, anggota yang terlibat mestilah berpakaian kemas dan lengkap.
- B) Berdiri dengan betul dan segak semasa mengendalikan latihan amali samada dalam keadaan sedia, senang diri ataupun rehatkan diri.
- C) Mesti berleumpang penuh semasa berjalan masuk dan keluar dari padang kawad.
- D) 'Berlari' jika tidak mahu berjalan semasa masuk dan keluar dari padang kawad.
- E) "Dilarang sama sekali" bergaduh, bergurau, ketawa, bersembang, berludah, muntah, serta lain-lain perlakuan yang melanggar kepada peraturan semasa berada di padang kawad.
- F) Semasa latihan, keluar dan masuk ke padang kawad hendaklah dengan kebenaran daripada pegawai / jurulatih dengan cara melapor.



- G) Dilarang sama sekali memandu sebarang jenis kenderaan melintasi di atas padang kawad kecuali dengan kebenaran ketua pegawai latihan / pegawai latihan / pegawai disiplin. Tindakan memandu ini akan mengganggu aktiviti latihan yang sedang berjalan serta boleh merosakkan padang kawad.
- H) Dilarang sama sekali menggali atau membuat lubang di atas padang kawad semasa pemasangan khemah atau kanopi kerana akan menghilangkan fungsi sebenarnya.
- I) Dilarang memasang sesuatu yang tetap / kekal di atas padang kawad seperti khemah, kanopi dan lain-lain kerana akan menghadkan kawasan padang kawad.



## BAHAGIAN PERMULAAN


### PELAJARAN PERTAMA : REHATKAN DIRI



### PELAJARAN KEDUA : BARIS !!

**PERINTAH** : BARIS !

**PERBUATAN** : Tolakkan kedua-dua tangan kebawah dengan pantas dengan sebutan 'up'.





### PELAJARAN KETIGA : BARIS SEDIA

**PERINTAH** : BARIS! BARIS ..... SEDIA!

**PERBUATAN** :

- A) Angkatkan kaki kiri setinggi 30 sm (12") ke hadapan dengan kedudukan peha sama paras dengan bumi, hujung boot tunduk ke bawah seperti gambar di bawah.
- C) Hentakkan kaki kiri rapat ke kanan dalam keadaan boot sama rata seperti gambar dibawah.
- D) Kedua-dua tumit rapat dan hujung kaki dibuka 45° atau boleh dimasuki satu hujung boot seperti gambar di bawah.
- E) Rapatkan kedua-dua tangan ke peha, genggamkan jari serta ibu jari tunduk ke bawah berkedudukan di tengah-tengah jahitan seluar seperti gambar di bawah.









## PELAJARAN KE EMPAT : SENANG DIRI

**PERINTAH** : SENANG...DIRI. (PERINTAH AKAN DIBERI SEMASA DALAM KEADAAN SEDIA).

**PERBUATAN** :

- A) Angkatkan kaki kiri setinggi 30 sm (12") ke hadapan seperti gambar di bawah.
- B) Bawakan ke kiri 30 sm (12") dan hentakkan ke bumi dalam keadaan boot sama rata seperti gambar di bawah.
- C) Semasa itu juga bawakan kedua-dua tangan ke belakang dan silangkan belakang tangan kanan di atas tapak tangan kiri seperti gambar di bawah.





## PELAJARAN KELIMA : REHATKAN DIRI

**PERINTAH** : REHATKAN ..... DIRI !

**PERBUATAN** : Dengan bilangan 1, 2, 3 serentak dengan itu kedua-dua tangan dinaikkan ke paras pinggang seperti gambar di bawah.

\*\* (semasa rehatkan diri, kedudukan kaki tidak boleh bergerak / berganjak cuma anggota badan sahaja yang dilemahkan).





### PELAJARAN KEENAM : PUSING KE KANAN DALAM MASA BERHENTI

**PERINTAH PENUH :** (perintah diberi semasa skuad dalam kedudukan sedia)

- I) Bergerak ke kanan bertiga-tiga / dalam dua barisan / dalam satu barisan, ke kanan ..... Pusing ! Seperti gambar dibawah.
- II) Perintah proses pembelajaran : ke kanan ..... Pusing!



### PELAJARAN KETUJUH: PUSING KE KIRI DALAM MASA BERHENTI

**PERINTAH PENUH :** (Diberi semasa skuad dalam keadaan sedia).

- A) Bergerak ke kiri bertiga-tiga / dalam dua barisan / dalam satu barisan ke kiri ..... Pusing !! Seperti gambar 28.
- B) Perintah dalam proses pembelajaran : ke kiri ..... Pusing !!





## PENERANGAN :

Apabila kedudukan barisan dalam keadaan menghadap ke belakang maka perintah akan berubah kepada : **baris "akan" bergerak ke kiri / ke kanan, ke kiri / ke kanan ..... Pusing !**

## PELAJARAN KESEPULUH: PUSING KE BELAKANG DALAM MASA BERHENTI.

**Perintah penuh :** (perintah diberi semasa skuad sedang menghadap ke hadapan / ke belakang). Baris akan menghadap ke belakang / ke hadapan, ke belakang ..... Pusing.

**Perintah proses latihan:** ke belakang ..... Pusing!! Seperti gambar di bawah.






## PELAJARAN KESEBELAS : KE KANAN LURUS.

**PERINTAH** : KE KANAN ..... LURUS!!

**PERBUATAN** :

- A) Bilang 1, pandang muka ke kanan. Penanda diam dalam kedudukan sedia.  
(peringatan : proses pembelajaran, tangan kanan perlu diangkat lurus mencecah bahu orang di sebelah kanan secara serentak melalui belakang badan) seperti gambar di bawah.




- B) Bilang 2, tanpa apa-apa pergerakan ( bilangan dua adalah 'masa' / *timing* ).
- C) Bilang 1, angkat kaki kiri 30 sm (12") ke hadapan dan hentakkan kaki ke bumi seperti gambar di bawah. (semasa ini, penanda turut sama melakukan hentakan kaki).



A) Bilang 2, angkatkan kaki kanan 30 sm (12") ke hadapan dan hentakkan ke bumi dan seterusnya buat pergerakan hentak-hentak kecil untuk meluruskan barisan seperti gambar dibawah.

(semasa ini, penanda turut sama melakukan hentakan kaki).





## PELAJARAN KEDUA BELAS : PANDANG DEPAN.

**PERINTAH** : Pandang ..... Depan !!

**Perbuatan** : semua sekali pandang depan dengan sebutan 'up' dan serentak dengan itu jatuhkan tangan kanan ke sisi peha seperti kedudukan sedia seperti gambar di bawah.



## PELAJARAN KETIGA BELAS : NOMBOR.

**PERINTAH** : NOMBOR !!

**PERINGATAN:**

- A) Perintah **nombor** barisan hadapan mewakili bilangan anggota barisan tengah dan belakang
- B) Perintah **dari kanan bilang!!** Hanya digunakan untuk mengetahui bilangan anggota didalam barisan



**PERBUATAN :**

- A) orang di sebelah kanan sekali barisan hadapan bilang 1 diikuti orang sebelah kirinya bilang 2, di sebelahnya bilang 3 dan seterusnya sehingga habis barisan hadapan itu membilang.
- B) bilang dengan suara yang kuat dan pantas seperti kedudukan gambar di bawah. (nombor orang di barisan hadapan adalah mewakili nombor bagi orang di barisan tengah dan belakang yang akan digunakan untuk perintah dan pergerakan 'jadikan dua barisan').



**PELAJARAN KEEMPAT BELAS : LANGKAH KE SEBELAH KANAN.**

**PERINTAH** : DUA LANGKAH KE KANAN ....GERAK!!

**PERBUATAN :**

- A) Angkatkan kaki kanan 30 sm (12") dan hentakkan ke sebelah kanan sejauh 30 sm (12") seperti kedudukan senang diri dengan kedua-dua tangan rapat sisi peha seperti gambar di bawah.





**PELAJARAN KELIMA BELAS : LANGKAH KE SEBELAH KIRI.**

**PERINTAH** : DUA LANGKAH KE KIRI ..... GERAK!!

**PERBUATAN** :

A) angkatkan kaki kiri 30 sm (12"), hentakkan ke sebelah kiri sejauh 30 sm (12") seperti senang diri, kedua-dua tangan rapat ke sisi peha seperti gambar di bawah.




**PELAJARAN KE ENAM BELAS : LANGKAH KE HADAPAN.**

**PERINTAH** : SATU LANGKAH KE HADAPAN ..... GERAK!!

**PERBUATAN** :

A) Langkahkan kaki kiri 75 sm (30") ke hadapan, kedua-dua tangan rapat ke peha seperti gambar dibawah.





**PELAJARAN KETUJUH BELAS : BUKA BARISAN**

**PERINTAH** : BUKA BARISAN .....GERAK!!

**PERBUATAN** : orang di barisan hadapan:

Tolakkan kaki kiri ke hadapan 75 sm (30") boot sama rata dengan bumi seperti gambar






## PELAJARAN KELAPAN BELAS : TUTUP BARISAN.

**PERINTAH** : TUTUP BARISAN .....GERAK !!

**PERBUATAN** :

- A) Orang di barisan hadapan - dua langkah ke belakang
- B) Orang di barisan tengah - diam
- C) Orang di barisan belakang - dua langkah ke hadapan seperti gambar di bawah.




## PELAJARAN KESEMBILAN BELAS : KELUAR BARIS DAN BERSURAI

**PERINTAH** : KELUAR ..... BARIS !! / BERSU.....RAI !!

**PERBUATAN** :

- A) Semua sekali anggota perbarisan akan berpusing 90° ke kanan.
- B) Angkatkan kaki kiri 30 sm (12") ke hadapan, hentakkan rapat ke kaki kanan seperti keadaan sedia seperti gambar di bawah.




**PELAJARAN KEDUA PULUH : BERJALAN CEPAT.**

**PERINTAH** : DARI KANAN / KIRI, CEPAT ..... JALAN !!

**PERBUATAN** :

- A) Langkahkan kaki kiri 75 sm (12") ke hadapan.
- B) Lenggangkan tangan kanan ke hadapan sama paras dengan bahu, jari digenggam (seperti penumbuk perempuan) dengan ibu jari lurus.
- C) Lenggangkan tangan kiri ke belakang seberapa yang boleh seperti gambar di bawah.






## PELAJARAN KEDUA PULUH SATU : BERHENTI DARI CEPAT JALAN.

**PERINTAH** : BARIS ..... HENTI !!

(DIBERI SEMASA KAKI KIRI JEJAK / CECAH KE BUMI)

**PERBUATAN** :

A). Langkahkan kaki kanan 75 sm (30") ke hadapan dan angkat kaki kiri 30 sm (12") serentak dengan itu rapatkan kedua-dua tangan ke sisi peha dengan sebutan " cek "





## PELAJARAN KEDUA PULUH DUA : BELOK KE KANAN SEMASA CEPAT JALAN.

**PERINTAH** : KANAN BELOK!!

**PERBUATAN** :

A) Belok saja ke kanan dengan orang yang paling kanan sekali hendaklah pendekkan langkah 7.5", orang di barisan tengah dengan langkah 15" dan orang di barisan belakang / luar dengan langkah 30", apabila setentang orang di sebelah kiri, terus buka langkah biasa seperti gambar di bawah. (peringatan: semasa membelok, tangan masih lenggang penuh).



**PELAJARAN KEDUA PULUH TIGA : KE BELAKANG PUSING SEMASA CEPAT JALAN.**

**PERINTAH** : KE BELAKANG ..... PUSING !!

(DIBERI SEMASA KAKI KANAN JEJAK KE BUMI).

**PERBUATAN** : Langkahkan kaki kiri ke hadapan 75 sm (30") dengan sebutan 'cek' dengan tangan masih berlelgang seperti gambar dibawah.






## PELAJARAN KE 24 : BERJALAN PERLAHAN

**PERINTAH** : PERLAHAN...JALAN

**"AMARANNYA"** : DARI TENGAH / KIRI / KANAN

### PERBUATAN:

- A) Tolakkan kaki kiri 37.5 sm ( 15" ) ke hadapan dengan sebutan perkataan "cek" dengan hujung boot tunduk ke bumi (cecah bara) lutut lurus genggamkan kedua-dua tangan rapat ke peha, kedua-dua ibu jari berada di tengah-tengah jahitan seluar, berat badan berada di atas kaki kanan, buka dada, dongakkan dagu, muka pandang hadapan.
- B) Tolakkan kaki kiri ke hadapan 37.5 sm ( 15" ) menjadi langkah penuh 30 "terus pijak bumi dengan sebutan "kiri cek" seperti gambar di bawah.






### PELAJARAN KE 25 : BERHENTI DARIPADA PERLAHAN JALAN.

**PERINTAH** : BARIS....HENTI (PERINTAH DIATAS KAKI KANAN).

**PERBUATAN** : Angkatkan kaki kiri 30 sm (12") dan hentakkan ke bumi berkedudukan di sebelah kaki kanan dengan sebutan 'satu' serentak dengan itu angkatkan kaki kanan 30 sm (12") dan hentakkan ke bumi dengan kedudukannya di sebelah kaki kiri dengan sebutan 'dua' dan diam seperti kedudukan sedia seperti gambar di bawah.



### PELAJARAN KE 26 : BELOK KE KANAN SEMASA PERLAHAN JALAN.

**PERINTAH** : KANAN BELOK.

**PERBUATAN** : Belok ke kanan dengan keadaan barisan masih bertiga tiga, orang yang di sebelah kanan hendaklah pendekkan langkah 7.5", penanda barisan tengah 15", penanda di sebelah kiri barisan belakang langkah biasa 30" apabila setentang dengan orang barisan tengah dan belakang barisan hendaklah maju serentak dengan itu langkah biasa atau pun 30" seperti gambarajah di

bawah.





**PELAJARAN KE 27 : BELOK KE KIRI SEMASA PERLAHAN JALAN.**

**PERINTAH** : KIRI BELOK !

**PERBUATAN** : Belok ke kiri dengan keadaan barisan masih bertiga-tiga, orang yang tepi sebelah kiri hendaklah pendekkan langkah 7.5", penanda barisan tengah dengan langkah 15", penanda di sebelah kanan barisan belakang dengan langkah biasa 30". Apabila setentang dengan orang barisan tengah dan belakang barisan hendaklah maju serentak dengan langkah biasa 30" seperti gambar di bawah.







### PELAJARAN KE 28 : TUKAR LANGKAH SEMASA CEPAT JALAN.

**PERINTAH** : TUKAR LANGKAH DALAM MASA BERJALAN,  
TUKAR.....LANGKAH !!

\*\*\*(PERINTAH 'TUKAR' DIATAS KAKI KIRI DAN 'LANGKAH' DIATAS KAKI KANAN).

**PERBUATAAN** :

Angkatkan kaki kiri 30 sm (12") dan hentakkan rapat ke kaki kanan serentak dengan itu rapatkan kedua dua tangan ke sisi peha dengan sebutan cek seperti gambar di bawah.




### PELAJARAN KE 29: TUKAR LANGKAH SEMASA PERLAHAN JALAN.

**PERINTAH** : TUKAR LANGKAH DALAM MASA BERJALAN, TUKAR ! LANGKAH !!. (PERINTAH 'TUKAR' DI ATAS 'KAKI KIRI' DAN 'LANGKAH' DI ATAS 'KAKI KANAN').




**PERBUATAAN** : Angkatkan kaki kiri 30 sm (12") dan hentakkan `pantas` rapat ke kaki kanan dengan sebutan `cek` seperti gambar di bawah.



### PELAJARAN KE 30 : TUKAR LANGKAH DARIPADA CEPAT KEPADA

**PERLAHAN JALAN. PERINTAH** : TUKAR LANGKAH PERLAHAN !  
PERLAHAN.....JALAN!! ( DIBERI 'PERLAHAN' DIATAS 'KAKI KIRI' DAN 'JALAN'  
DIATAS 'KAKI KANAN' ).

**PERBUATAAN** : Angkatkan kaki kiri 30 sm (12") dan hentakkan rapat ke kaki kanan serentak dengan itu rapatkan kedua-dua tangan ke sisi peha dengan sebutan `cek` se seperti gambar di bawah.



**PELAJARAN KE 31 : HORMAT KE HADAPAN SEMASA CEPAT JALAN.**

**PERINTAH** : HORMAT! HORMAT KE HADAPAN..... HORMAT !!.

(DIBERI SEMASA 'KAKI KIRI' MENCECAH KE BUMI).

**PERBUATAN :**

- A) Langkahkan kaki kanan ke hadapan 75 sm (30") dan sebut `cek`. Tangan masih lenggang.
- B) Angkatkan kaki kiri 30 sm (12") semasa itu rapatkan kedua-dua tangan ke peha dan hentakkan kaki kiri rapat ke kaki kanan sebut `satu` .
- C) Sebut `dua satu` (hormat), kemudian `sebut dua satu` (jatuh tangan), sebut `dua satu` (hormat kedua), sebut `dua satu` (jatuhkan tangan) , `dua kali hormat` seperti gambar di bawah;



○ **PELAJARAN KE 32: HORMAT KE KANAN SEMASA CEPAT JALAN.**

**PERINTAH** : HORMAT KE KANAN, KE KANAN..... HORMAT !!

(DIBERI SEMASA KAKI KIRI MENCECAH KE BUMI)

**PERBUATAN** :

A). Langkahkan kaki kanan ke hadapan 30" sebut `cek` serentak dengan itu kedua-dua tangan rapat ke peha ibu jari berada di atas jahitan seluar seperti gambar di bawah.





### PELAJARAN KE 33: HORMAT SELAKU TERIMA SIJIL.



**PERINTAH** : HORMAT SELAKU TERIMA GAJI, KE HADAPAN.....HORMAT !!  
(DI BERI SEMASA KAKI KIRI MENCECAH KE BUMI).

**PERBUATAN :**

A). Langkahkan kaki kanan 75 sm (30") ke hadapan sebut `cek`.

B). Angkatkan kaki kiri 30 sm (12") semasa itu rapatkan tangan ke peha dan

hentakkan kaki kiri rapat ke kaki kanan sebut `satu` seperti gambar di bawah.





### PELAJARAN KE 34: PANDANG KANAN SEMASA CEPAT JALAN

**AMARAN** : DA...RI KANAN !!

**PERINTAH** : PANDANG..... KANAN !!

(DIBERI SEMASA KAKI KIRI MENCECAH KE BUMI)

**PERBUATAN** :

- A). Langkahkan kaki kanan 75 sm (30") terus sebut `cek' kedua-dua tangan masih berlinggang penuh seperti gambar 315.
- B). Langkahkan kaki kiri 75 sm (30") ke hadapan dan dengan pantas tolehkan muka 90 darjah ke kanan kecuali penanda barisan seperti gambar di bawah.





## PELAJARAN KE 35 : PANDANG HADAPAN SEMASA CEPAT JALAN

**PERINTAH** : PANDANG..... DEPAN !!.

(DI BERI SEMASA KAKI KIRI MENCECAH KE BUMI)

**PERBUATAN** :

- A). Langkahkan kaki kanan sebut `cek` apabila kaki kiri melangkah keluar dengan pantas pandang hadapan dengan sebutan `up` serta berjalan seperti biasa seperti gambar di bawah.



## PELAJARAN KE 36 : PANDANG KIRI SEMASA PERLAHAN JALAN.

**AMARAN** : DA...RI KIRI !!

**PERINTAH** : PANDANG.....KIRI !!.



(DIBERI SEMASA KAKI KIRI MENCECAH KE BUMI ).





**PERBUATAN:**

- A). Langkahkan kaki kanan 75 sm (30") sebut `cek`, apabila kaki kiri melangkah keluar terus pandang kiri dan sebut `up` serta jalan seperti biasa kecuali penanda kiri akan terus pandang depan seperti gambar di bawah.



**PELAJARAN KE 37: PANDANG HADAPAN SEMASA PERLAHAN JALAN**

**PERINTAH : PANDANG.....DEPAN !!.**

(DIBERI SEMASA KAKI KIRI MENCECAH KE BUMI ).

**PERBUATAN :**

- A). Langkahkan kaki kanan 75 sm (30") sebut `cek` apabila kaki kiri melangkah keluar terus pandang hadapan dan sebut `up` serta jalan terus seperti biasa seperti gambar di bawah.



**PELAJARAN KE 38 : PARAS BARISAN.**


**PERINTAH A** : BARIS ! BARIS ..... SEDIA !!.

**PERBUATAN** : SEMUA ORANG MELAKUKAN PERGERAKAN SEDIA.

**PERINTAH B** : YANG TINGGI KE KANAN, RENDAH KE KIRI, DALAM SATU BARISAN ..... **PARAS II.**

**PERBUATAN** :

- A. Skwad pusing 90 darjah ke kanan seperti keluar baris dan dengan pantas
- B. Jadikan satu barisan panjang. Orang yang tinggi sekali berada di sebelah
- C. Dan orang yang rendah berada di sebelah kiri dalam keadaan sedia.
- D. Jarak diantara satu dengan yang lain ialah **bahu kebahu** seperti gambar di bawah.




**PERINTAH C : NOMBOR !!.**

Perbuatan : semua sekali membilang bermula dari orang di sebelah kanan sekali membawa ke kiri. Mulai dengan no. 1, 2, 3, 4, 5..... dan seterusnya. Semua anggota perlu mengingati nombor masing-masing samaada genap ataupun ganjil.

**PERINTAH D : ANGKA GANJIL SATU LANGKAH KE HADAPAN, ANGKA GENAP SATU LANGKAH KE BELAKANG..... GERAK !!.**

PERBUATAN : Angka ganjil seperti 1, 3, 5, 7 dan seterusnya bergerak satu langkah ke hadapan dan angka genap seperti 2, 4, 6, 8 dan seterusnya bergerak satu langkah ke belakang. Perbuatan hendaklah dilakukan dengan serentak seperti gambar di bawah.



15 12 24



15 12 24



15 12 24


**PERINTAH E : ORANG YANG DI SEBELAH KANAN SEKALI DIAM, ANGKA GANJIL KE KANAN, ANGKA GENAP KE KIRI. BARISAN, KANAN DAN KIRI ..... PUSING !!**

**PERBUATAN :**

- A). Penanda kanan di barisan hadapan diam, yang lain iaitu angka ganjil di barisan hadapan pusing 90 darjah ke kanan dan hentakkan kaki kiri di sebelah kaki kanan seperti kedudukan sedia.
- B). Angka genap di barisan belakang pusing 90 darjah ke kiri dan hentakkan kaki kanan di sebelah kaki kiri dan diam seperti kedudukan sedia seperti gambar di bawah.



15 12 24



15 12 24




15 12 24



**PERINTAH F : JADIKAN TIGA / DUA BARISAN,.....CEPAT / PERLAHAN JALAN !**

**PERBUATAN : BAGI ANGKA GANJIL:**

- A). Orang no.1 diam, yang lain terus berjalan dalam satu barisan bermula dari orang no. 3 masuk dan berhenti di belakang orang no.1, orang no. 5 akan masuk dan berhenti di belakang orang no. 3. Selepas itu, orang no 5 akan sebut `up`, serentak ketiga-tiga orang akan dan pusing 90 darjah ke kiri mengadap ke hadapan dan sebut `up` kedua bagi perbuatan senang diri.
- B). Orang no.7 berhenti di sebelah orang no. 1, orang no. 9 masuk di sebelah kanan orang no. 7 dan orang no. 11 masuk di sebelah kanan orang no.9 dan sebut `up`, serentak ketiga-tiganya akan pusing 90 darjah ke kiri mengadap ke hadapan dalam kedudukan sedia dan orang no. 11 sekali lagi sebut `up` ketiga-tiganya melakukan perbuatan senang diri. Semua yang berangka ganjil akan mengikuti pergerakan diatas seperti gambar di bawah.





### BAGI ANGKA GENAP :

- A). Orang no. 18 akan berhenti mengadap orang no. 13 dan diam seperti kedudukan sedia. Orang no.16 masuk di sebelah kanan orang no.18 dan mengadap orang no. 15, dan diam dalam keadaan sedia. Orang no.14 masuk di sebelah orang no. 16 orang no. 17 dan diam dalam keadaan sedia. Orang no. 14 akan sebut `up` dan ketiga-tiga orang iaitu no. 14, 16 & 18 akan berpusing ke sebelah kiri seperti kedudukan sedia, orang no.14 akan sebut `up` sekali lagi untuk ketiga tiganya senang diri.
- B). Setiap orang bernombor genap akan mengikuti pergerakan seperti diatas untuk membentuk tiga barisan seperti gambar di bawah.



### PELAJARAN KE 39 : MASUK BARIS.

#### PENERANGAN:

Apabila sudah siap jadikan tiga barisan, jurulatih hendaklah memilih salah seorang diantara mereka untuk menjadi penanda.



**PERINTAH** : TANDA !

**PERBUATAN** : Penanda apabila mendapat perintah diatas terus sedia dan berjalan 14 langkah ke hadapan dan berhenti serta senang diri.

**PERINTAH** : MASUK ..... BARIS !!.

**PERBUATAN** : Ketika perintah ini diberikan, penanda yang berkeadaan senang diri akan melakukan perbuatan sedia di tempatnya. Serentak dengan itu, skuad juga akan melakukan perbuatan sedia dan terus berjalan 14 langkah ke hadapan dan berhenti setentang dengan penanda serta melakukan pergerakan ke kanan lurus dengan sendiri berpandukan penanda yang berkedudukan sedia. Apabila barisan telah lurus, pandang hadapan dan senang diri (perbuatan ke kanan lurus, pandang depan dan senang diri adalah dengan cara isyarat).

